



## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### TEKS KHUTBAH

Tajuk:

**NEGARA DIBERKATI, NIKMAT DISYUKURI**

Tarikh Dibaca:

**20 JAMADILAWAL 1446H /  
22 NOVEMBER 2024**

Disediakan oleh:  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جامعة إسلام ملaysia  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## NEGARA DIBERKATI, NIKMAT DISYUKURI

22 NOVEMBER 2024 / 20 JAMADILAWAL 1446H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ  
آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝ (سورة آل عمران)  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat serta kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Tumpukan perhatian dan janganlah melakukan perkara *lagha* seperti berbual dan bermain telefon bimbit. Pada hari ini, saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Negara Diberkati, Nikmat Disyukuri**”.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Negara yang sejahtera merupakan dambaan bagi setiap warga. Kita beruntung kerana negara ini telah merdeka dan kita mampu menguruskan pentadbiran negara dengan sendiri tanpa dijajah atau berada dalam cengkaman kuasa asing. Maka tanggungjawab kita pada hari ini ialah berusaha untuk mengekalkan dan mempertahankan kestabilan dan

kedaulatan negara serta berusaha membina ketamadunan masyarakat yang mulia dan dihormati.

Pembinaan ketamadunan masyarakat sangat memerlukan kepada sokongan struktur masyarakat yang kukuh dan berdaya saing. Ia memerlukan kepada kesediaan modal insan, pengukuhan institusi, organisasi swasta dan kerajaan yang berkualiti serta berdaya saing. Paling utama ialah memantapkan pegangan masyarakat terhadap amalan hidup beragama yang menekankan nilai moral yang sangat tinggi seperti beriman kepada Allah SWT, melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar*. Allah SWT berfirman dalam Surah ali Imran ayat 110 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasiq".*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kestabilan dan kemakmuran yang dicapai dalam negara hari ini merupakan anugerah yang tidak terhingga dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita. Maka tidak dapat tidak, seharusnya kita bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat dan anugerah kurniaan-Nya ini. Dengan bersyukur, Allah SWT menjamin untuk menambah lagi nikmat-Nya manakala bagi yang kufur, Allah SWT memberi peringatan dan ancaman azab seksa-Nya yang keras.

**وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَاَزِيَّنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ**

**Maksudnya:** "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Erti bersyukur ialah dengan kita terus patuh kepada semua perintah-Nya dan kita tinggalkan segala perkara yang ditegah oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Kita

manfaatkan segala nikmat pemberian-Nya ini kepada jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya. Kita manfaatkan nikmat-nikmat yang diterima dengan berbakti kepada orang lain.

Rasulullah SAW bersabda melalui hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah *radhiyallahu anhu*;

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

**Maksudnya:** “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat untuk orang lain”.  
**(Hadis riwayat Ibnu Hibban, at-Tabrani)**

Selain itu juga, penglibatan seluruh masyarakat, sektor kerajaan dan swasta, memainkan peranan yang sangat penting dalam berkongsi serta memetakan kejayaan dan kestabilan negara. Perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam masyarakat di negara ini bukanlah suatu halangan yang perlu diperbesarkan, sebaliknya ia kekuatan dan titik keseimbangan yang menjadi penguat antara satu sama lain. Allah SWT menekankan tentang penciptaan manusia untuk saling berkenal-kenal antara satu sama lain, sebagaimana difirmankan dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارُفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

**Maksudnya:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Alhamdulillah, dalam masa dua tahun ini, Kerajaan telah memulakan langkah mewajibkan pelajar Muslim dari pelbagai aliran untuk memahami Hadis 40 (*Matan Arbain*),

mengangkat kedudukan pelajar institusi tahniah dengan TVET, menggalakan percambahan ilmu melalui dialog bermutu tinggi seperti Majlis Ilmu Madani – Forum Ilmuwan Madani, mencetak buku-buku terpilih untuk bacaan umat seperti Kitab *Adabul Ikhtilaf Fil Islam* dan melakukan Reformasi Sistem Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia.

Bersempena genap dua tahun Kerajaan Perpaduan kali ini, kerajaan telah menganjurkan Majlis Khatam Hadis Sahih al-Bukhari. Ia merupakan tanda kesyukuran dan refleksi kepada keinginan Kerajaan Madani bermuhasabah, mendengar pandangan serta nasihat dan seterusnya melangkah lebih berani menghadapi cabaran dan peluang pada masa hadapan.

Dalam menuju cita-cita negara MADANI ia tidak lepas daripada ikhtiar mencerdaskan umat khususnya dalam konteks model negara bangsa Madinah. Cita-cita negara yang MADANI tidak lepas dari mengambil ibrah dan model Piagam Madinah yang dipelopori oleh Baginda Rasullah SAW berdasarkan formula kepelbagaian dalam bingkai kesatuan bertiangkan keadilan dan ihsan.

Kerajaan dengan penuh rasa tawaduk dan sedar bahawa kami bukanlah sebuah kerajaan yang sempurna tetapi akan memberi segala upaya dan kudrat yang ada bagi mengangkat martabat negara dan umat.

Firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat 88:

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوْكِيدُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ<sup>٨٨</sup>

**Maksudnya:** “Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali”.

Sesungguhnya, peranan sebagai kerajaan dan pemimpin bukanlah satu kelebihan atau kemuliaan, tetapi adalah tanggungjawab (*taklif wala tasrif*) yang harus dipegang kuat dengan amanah dan kejujuran. Dukungan dan doa serta pandangan balas rakyat dalam meningkatkan lagi kemampuan pemerintah amat dialu-alukan demi kemaslahatan bersama.

Ada sebuah hadis yang menceritakan tentang beratnya amanah kepimpinan:

عن أبي ذر رضي الله عنه قال: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ فَضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِيَّ، ثُمَّ قَالَ: «يَا أَبَا ذَرٍ، إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ خَزِيٌّ وَنَدَاءٌ، إِلَّا مَنْ أَخْذَهَا بِحَقِّهَا، وَأَدَى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا»

**Maksudnya:** Daripada Abu Zar katanya: Aku bertanya: "Wahai Rasulullah! Tidakkah engkau mahu melantikku?". Baginda menepuk bahuku dan bersabda: "Wahai Abu Zar! Sesungguhnya engkau ini lemah, sedangkan jawatan itu adalah amanah. Ia pada hari akhirat nanti merupakan kerugian dan penyesalan, kecuali sesiapa yang mengambilnya dengan kelayakan dan menunaikan apa yang menjadi tuntutannya". (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya tinggalkan beberapa intipati penting:

**Pertama:** Allah SWT melimpahkan berkat dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, patuh dan taat serta melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar*.

**Kedua:** Konsep bersyukur ialah dengan kita memanfaatkan segala nikmat kurniaan-Nya kepada perkara-perkara yang memberi manfaat bukan hanya kepada diri sendiri malah kepada masyarakat seluruhnya.

**Ketiga:** Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW itu terdapat banyak contoh teladan yang boleh dituruti dalam segenap aspek kehidupan manusia dan panduan dalam pembinaan negara yang Madani dan berdaya saing.

Allah SWT memberi peringatan dalam Surah Al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّا هُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

**Maksudnya:** "laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Saya ingin menyeru kepada saudara-saudara sekalian, untuk sentiasa mensyukuri nikmat keamanan yang dinikmati ketika ini. Sama-sama mendoakan kesejahteraan dan menghargai segala pengorbanan anggota keselamatan negara yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain lagi. Seluruh masyarakat juga bertanggungjawab menggembeleng seluruh tenaga dan peranan masing-masing dalam sama-sama memelihara keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara tercinta ini.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكَتَهُو يُصَلُّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يٰأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأً عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضُ اللَّٰهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مِهَا  
موليا سري قدوك بكيندا يع د- فرتوان اكوع سلطان إبراهيم.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مِهَا موليا سري قدوك بكيندا راج فرمایسوري اكوع، راج  
زَارِيَّتْ صُوفِيَّاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلْحَسْنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.